

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
KES MAL 04300-028-0328-2012

	Antara	
XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX		Plaintif
	dengan	
XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX		Defendan

Di Hadapan Y.A Othman Bin Ibrahim
Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka.

Pegum Syarie

Plaintif : Norlizah bt.Mohd.Yusoff (Tetuan Liza Manita &Ass.)
Defendan: Tidak diwakili

ALASAN PENGHAKIMAN

Plaintif diwakili peguam Pn Norlizah telah memfailkan tuntutan supaya 3 cucunya diletak di bawah jagaan plaintif sebagai nenek kerana ibu mereka telah meninggal dunia pada 6.4,2012 di Hospital Melaka.

Tiga orang cucu tersebut telah memilih untuk tinggal bersama nenek mereka sejak ibu mereka sakit lagi dan plaintif perlu kepada perintah Mahkamah supaya dapat mengurus mereka dengan lebih baik dan sempurna supaya tidak terabai.

Plaintif hadir memohon kepada Mahkamah perintah seperti berikut:-

1.Hak jagaan 3 orang cucu diberikan kepada plaintif dan akses melawat pada waktu yang munasabah diberikan kepada defendan.

2. Defendan boleh mengambil anak-anak tersebut pada cuti penggal sekolah.
3. Pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidil Adha, Plaintiff dan Defendan boleh secara bergilir-gilir mengambil anak-anak tersebut tanpa halangan.
4. Defendan diperintah menanggung nafkah anak pertama RM600.00 sebulan, manakala anak kedua dan ketiga RM500.00 setiap seorang dan dimasukkan melalui akaun plaintiff.
5. Defendan hendaklah menanggung perbelanjaan persekolahan anak, pakaian sekolah, yuran, buku dll yang berkaitan dengan perbelanjaan anak-anak tersebut.
6. Defendan hendaklah menanggung semua kos jika anak-anak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.
7. Defendan hendaklah menanggung segala keperluan dua hari raya dengan menyediakan kasut dan pakaian anak-anak tersebut,
8. Lain-lain relief yang Mahkamah fakil adil dan saksama.

Mahkamah akan membuat keputusan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuatkuasa dan juga Hukum Syarak bagi menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat di dalam kes ini.

Tuntutan plaintiff dibicarakan dan disokong dengan keterangan baiyinah bagi memperkuatkan keterangan plaintiff tetapi defendan gagal menghadirkan diri. Mahkamah tidak mempunyai pilihan melainkan meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran defendan kerana tidak memberi kerjasama yang diperlukan oleh mahkamah. Pada pandangan mahkamah kegagalan menghadirkan diri seolah-olah defendan telah bersetuju terhadap tuntutan ini.

Menurut keterangan SP (1) iaitu anak kepada plaintiff menyatakan bahawa semasa kakaknya masih hidup lagi plaintiff juga selalu didatangi oleh kakaknya bersama 3 orang anaknya, selepas 9 bulan defendan hanya kata hendak pinjam sahaja anak itu tetapi tidak dipulangkan sampai sekarang ini.

Menurut saksi ini lagi ibunya tidak mengalami sebarang penyakit yang boleh menghalangnya daripada menjaga 3 orang cucunya itu dan ibunya masih sihat sampai sekarang ini.

Menurut SP(2) iaitu suami kepada plaintiff menyatakan isterinya masih lagi mampu menjaga 3 cucunya kerana masih kuat lagi, cucu yang masih kecil memerlukan kasih sayang nenek kerana dia yang menjaganya selepas kematian anak perempuan saya.

Menurut SP(3) juga menyatakan selepas kematian kakaknya plaintiff lah yang menjaga cucu-cucu tersebut dan yang ketiga ada bersama bapanya, ibunya masih sihat dan layak menjaga cucu-cucunya dan defendan berkerja sebagai pemandu lori yang tidak tahu masa dan waktu untuk menjaga anak-anaknya, adalah lebih baik nenek yang menjaga mereka dengan kasih sayang dan jagaan yang rapi dan teratur.

Semua keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi plaintiff dapat dipercayai dan boleh diterima oleh mahkamah ini sebagai qarinah yang kuat bagi menyokong tuntutan plaintiff kerana qarinah juga adalah salah satu pembuktian yang kukuh dan membolehkan mahkamah memutuskan berdasarkan qarinah tersebut.

Didalam Kitab Fiqh Islami Wa Adilatuh –Dr Wahbah Az Zuhaili juzuk 8.ms 6127/6128 dinyatakan”

القضاء بالقرائن أصل من أصول الشرع وذلك سواء في الحال وجود البينة أو الإقرار أم في حال فقد أي دليل من دلائل الإثبات لا بد في القرينة في الأمرين :

1. أن يوجد أمر ظاهر معروف يصلح أساساً للاعتماد عليه

2. أن توجد صلة مؤسرة بين الأمر الظاهر والأمر الخفي

Yang bermaksud "Penghakiman berdasarkan qarinah merupakan sumber Hukum Syarak samaada ketika itu ada keterangan atau pun pengakuan atau dalam hal keadaan tidak ada apa-apa bukti lain.

Didalam perkara qarinah itu perlu ada 2 perkara-

- 1.Perlu ada sesuatu yang zahir yang boleh dikenali serta sesuai untuk menjadikan asas untuk berpegang di atasnya.
- 2.Mesti ada hubungan yang ditunjukkan diatas perkara yang zahir dan perkara yang tersembunyi.

Nas Kitab di atas telah memberikan penjelasan bahawa qarinah yang kuat boleh dijadikan sumber Hukum bagi Mahkamah dan Hakim berpegang dengan qarinah tersebut untuk membantu Hakim membuat keputusan setiap kes dihadapannya.

Seterusnya menjadi tanggungjawab defendan untuk hadir dan menjawab setiap dakwaan dan jika gagal hadir Mahkamah juga boleh memutuskan kes tanpa kehadirannya.

Seksyen 121(1)(b) menyatakan "*jika,apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran(b) defendan tidak hadir,mahkamah boleh tertakluk kepada bukti penyampaian wajar,mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya*".

Didalam seksyen diatas amat jelas kepada mahkamah bidangkuasa didalam memutuskan kes ini walaupun tanpa kehadiran defendan kerana perbicaraan dijalankan setelah bukti saman telah disempurnakan kepada defendan.Mahkamah berpuashati bahawa perkara didalam seksyen diatas telah pun dipenuhi kerana defendan telah melantik peguam untuk menjalankan kes bagi pihaknya tetapi beliau gagal berkerjasama sehingga peguam telah menarik diri.

Mahkamah juga merujuk didalam bidangkuasa asal mahkamah Tinggi iaitu seksyen 61(3)(b)(i-iv);-

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(b) dalam bidangkuasa malnya,mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan_

(i)Pertunangan,perkahwinan,ruju,.perceraian,pembubaran perkahwinan(Fasakh),nusyus,atau pemisahan kehakiman(faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri.

(iii) Nafkah orang-orang tanggungan,kesahtarafan atau penjagaan atau jagaan anak.

Penyampaian saman telahpun disempurnakan kepada defendan dan affidavit telah difailkan oleh peguam plaintif dan Mahkamah telah menerimanya sebagai satu penyata saman yang telah pun disempurnakan kepada defendan.Pada pandangan Mahkamah ianya telah sempurna menurut undang-undang.

Di dalam seksyen 61 diatas amat jelas bahawa semua tuntutan yang telah dipohon itu mahkamah Tinggi Syariah berbidangkuasa untuk membuat keputusan terhadap semua tuntutan yang telah dikemukakan kepada mahkamah.

Didalam Kitab *Al Ahkam Addliyah* perkara 67 menyatakan “*orang yang diam tidak dinisbahkan sesuatu perkataan kepadanya tetapi diam pada waktu keperluan menunjukkan suatu peristiharan(pengakuan).Maksudnya,tidak boleh dikatakan kepada orang yang diam itu yang dia telah berkata sesuatu.Tetapi diam dalam perkara yang mesti dia bercakap merupakan suatu penjelasan dan pengakuan.*”

Didalam nas kitab diatas jelaslah kepada kita ianya menunjukkan diam defendan itu menunjukkan beliau telah bersetuju diatas tuntutan yang telah dibuat oleh plantif,jika beliau tidak bersetuju sepatutnya beliau hadir dan

memberi keterangan didalam tuntutan ini.Hak beliau masih ada jika beliau hadir dan memberi keterangan,malangnya beliau gagal hadir dan mahkamah tidak mempunyai pilihan melainkan meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran defendan.

Mahkamah juga merujuk kepada nas-nas lain bagi menjelaskan keadaan bahawa mahkamah berbidangkuasa membicarakan kes tanpa kehadiran defendan dan seterusnya memutuskan kes tersebut diantaranya;-

1.Kitab *I'annah At Talibin* juzuk 4,m.s 238 menyatakan” *harus memberi penghakiman keatas yang ghaib dari negeri iaitu lebih daripada perjalanan yang jauh, sekalipun yang ghaib itu berada diluar bidangkuasa ketika itu.*”

Nas tersebut amat nyata bahawa kegagalan defendan menghadirkan diri kemahkamah membolehkan mahkamah membuat keputusan walaupun defendan gagal hadir dan keputusan boleh dibuat oleh mahkamah.

2.Didalam ‘ Kitab *Nizamul Qadha'* karangan Dr Abdul Karim Zaidan muka surat 153 menyatakan:

"إذا أمر المدعى عليه على عدم الحضور ,بأشتر القضي المرافعة مع غياب المدعى عليه ,فيسأل المدعى عن بيئته.فإن قال "عندى بيئته أمره القاضي بتحديد دعواه ويسمع بينته "

Yang Bermaksud:*Apabila pihak defendan meneruskan dan tidak mahu hadir kemahkamah ,maka hakim boleh meneruskan perbicaraan tanpa kehadiran pihak defendan,Hakim juga boleh meneruskan dengan meminta pihak plaintif mengemukakan keterangannya,jika ia mempunyainya dan hakim boleh mendengar tuntutan dan keterangannya.”*

.Kitab *Mughni Al Muhtaj* juzuk 4.m.s 407 menyatakan”*penghakiman keatas yang ghaib itu diharuskan jika yang mendakwa(plaintif) mempunyai keterangan dan dakwaan yang mendakwa keatas yang ghaib itu boleh disangkal.....”*

Nas ini juga jelas menyatakan bahawa mahkamah berbidangkuasa memutuskan kes kerana pihak plaintif mempunyai keterangan bagi menyokong tuntutan terhadap defendan. Mahkamah tidak pilihan lain

melainkan membuat keputusan terhadap kes ini kerana hak plantif perlu juga mahkamah melayanya.

Mahkamah adalah tempat untuk mendapatkan hak jika ada pertikaian diantara pihak-pihak. Oleh itu mahkamah berfungsi menjalankan kuasa yang telah diberikan oleh undang-undang dan Hukum Syarak kerana hak-hak yang diberikan itu dapat diberikan kepada yang berhak sahaja berpandukan semua keterangan yang ada dihadapan mahkamah. Jika defendan ingin mendapatkan haknya, beliau sepatutnya hadir ke mahkamah dan seterusnya memberi keterangan bagi membantu mahkamah membuat keputusan dengan lebih jelas dan tepat.

Ini amat bersesuaian dengan firman Allah S.W.T Surah An Nisak ayat 58-

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Bermaksud *“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan(menyuruh kamu) apabila memutuskan hukum diantara kamu supaya kamu memutuskan dengan adil.Sesungguhnya Allah memberi penjelasan yang sebaik-baik kepada kamu,sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”*

Keadilan yang dimaksudkan didalam ayat diatas tadi seharusnya diambil perhatian oleh mahkamah untuk memberikan keadilan kepada semua pihak dan pada masa yang sama tidak menafikan hak defendan sebagai bapa kepada anak-anaknya dan masing-masing mempunyai peranan yang wajib dilaksanakan.Tidak dinafikan semua orang sayangkan anak-anak tetapi apabila berlaku perceraian maka hak dan keutamaan akan dipertimbangkan oleh mahkamah tanpa melihat kepada plaintif dan defendan sahaja ,hak anak menjadi perkara pokok yang wajar dinilai oleh mahkamah berpandukan Hukum Syarak dan undang-undang sedia ada.

(HADHANAH)

Di dalam seksyen 82(1) *“Tertakluk kepada seksyen 83,ibu adalah yang paling berhak daripada segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih didalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.”*

Seksyen 82 diatas secara jelas menyatakan ibu adalah orang yang paling layak menjaga anak kecil daripada segala orang,ini menunjukkan bahawa plaintif masih layak sebagai nenek walaupun selepas penceraian mati berlaku dan defendan sepatutnya membuktikan plaintif hilang kelayakan tersebut.

Di dalam kes ini mahkamah dapati plaintif masih mempunyai kelayakan sebagai hadinah kepada cucu-cucunya kerana tiada bukti plaintif telah hilang kelayakan tersebut. Mahkamah percaya bahawa kedua-dua saksi plaintif sebagai saksi baiyinah terhadap tuntutan ini adalah saksi yang boleh dipercayai kerana mereka berdua telah juga terlibat untuk menjaga dan mengawasi cucu-cucu tersebut.Adalah menjadi satu tanggungjawab mereka berdua sebagai nenek kepada dua anak tersebut juga sebagai orang yang dekat untuk mengambil tahu berkaitan dengan anak cucu mereka berdua.

Seksyen 82(2) menyatakan”*Jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu adalah hilang kelayakan dibawah hukum Syarak daripada mempunyai hak terhadap hadhanah atau penjagaan anaknya,maka hak itu tertakluk kepada subseksyen (3) hendaklah berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan yang berikut,iaitu-*

(a) nenek sebelah ibu keatas;

(b) bapa.

Didalam Kitab *Al Iqnaq* ,jilid2 M.S 391 ada dinyatakan iaitu:

"وتستحق المطلقة الحضانة في الحال قبل انقضاء العدة على المذهب ولو غابت الأم أو امتنعت من الحضانة فللجدة أم الأم كما لو ماتت أو جنت "

Yang bermaksud"wanita yang ditalaq berhak mendapat hadhanah dalam keadaan sebelum selesai iddah atas sesuatu pendapat(as-syafie) walaupun si ibu hilang atau terhalang daripada mendapat hadhanah.Oleh itu,hak hadhanah tersebut kembali kepada nenek sepertimana ibunya meninggal dunia atau gila."

Mengikut hujahan yang telah difailkan kemahkamah anak-anak sejak kecil lagi telah berada bersama plaintif dan ini menunjukkan bahawa beliau amat mengambil berat terhadap dua kanak-kanak tersebut disamping telah mengurus hak anak-anak tersebut sejak dari tarikh mereka bercerai lagi.

Didalam seksyen 83,Enakmen yang sama juga telah menjelaskan "Seseorang yang mempunyai hak mendidik seseorang kanak-kanak adalah berhak menjalankan hak terhadap hadanah jika:-

- Adalah seorang Islam;
- Adalah sempurna akal;
- Berumur yang melayakkan dia memberikan kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak;
- Berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiyah dan
- Tinggal ditempat dimana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Seksyen diatas telah menjelaskan sifat-sifat sebagai seorang hadinah bagi menjaga dan mengasuh kanak-kanak dari segi akhlak dan jasmani supaya ianya terjamin untuk hidup didalam suasana yang baik.

Mahkamah berpendapat bahawa plaintif mempunyai semua sifat tersebut bagi membolehkan beliau menjaga anaknya,mahkamah tidak mendapati perkara yang tidak layak sebagai hadinah kepada anak-anak nya.

Seorang ulama Syed Sabiq didalam Kitabnya *Fiqh As Sunnah* jilid 8 ada menyatakan antara maksudnya *"Sesungguhnya setiap yang menjaga dan yang dijaga(anak) mempunyai hak didalam pemeliharaan tetapi hak yang dijaga(anak) lebih kuat dari hak yang dijaga."*

Menurut pandangan Syed Sabiq diatas amat sesuai dengan seksyen diatas kerana kepentingan anak-anak seharusnya menjadi keutamaan sebab anak-anak akan membesar hasil usaha ibu bapa,anak-anak lemah didalam mencari nafkah bapa sebagai pengawal anak wajib menyediakan semua keperluan anak dipenuhi kerana ianya menjamin masa depan anak tersebut.

Menurut pandangan Mazhab Shafie r.a terdapat 7 syarat yang membolehkan seseorang itu menjadi pengasuh atau hadinah iaitu;-

- 1.Berakal,ini bererti orang gila tidak layak menjadi pengasuh kecuali gilanya jarang berlaku dan dalam tempuh yang sedikit sahaja seperti sehari didalam setahun.
- 2.Merdeka,ini bererti orang yang menjagi hamba kepada orang lain tidak layak menjadi pengasuh kepada anaknya.
- 3.Beragama Islam.yang bererti orang kafir tidak mempunyai hak pengasuh kepada anaknya yang beragama islam.
- 4.Yang dapat menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang haram dalam agama,seperti minum yang memabukkan,meninggalkan solat yang wajib,ini bererti orang fasiq tidak berhak menjadi pengasuh kerana perkara agama diabaikan.
- 5.Orang yang amanah atau dipercayai yang berti orang yang tidak dapat dipercayai atau khainat tidak berhak kepadanya sebagai pengasuh.
- 6.Orang yang tetap didalam negeri anak yang diasuh itu.
- 7.Keadaan ibu sianak itu tidak berkahwin lagi kecuali dengan orang yang muhirm dengan anak itu.

Kebanyakan para ulama bersetuju tentang syarat diatas walaupun terdapat beberapa perselisihan antara mereka seperti agama,tidak berkahwin,tidak terlalu tua dan sebagainya.

Apa yang paling mustahak ialah adalah kerana perempuan mempunyai sifat sabar dan kasih sayang kepada anak kecil,walaupun mungkin terdapat keadaan sekarang terdapat berbagai cabaran lain yang menuntut kita semua lebih berhati-hati didalam menentukan hadhanah tersebut.

Didalam Kitab *Kifayatul Al Akhyar* (Bahagian kedua) Prihal Hadhanah ada dinyatakan seperti berikut”*Ketahuilah bahawa hukum ibu dari ibu (Nenek) dengan bapa atau saudara perempuan adalah sama dengan hukum ibu,dan apabila beberapa orang perempuan berebut untuk mengasuh,maka ibu didahulukan kemudian ibu ibunya(nenek)...*

Berdasarkan semua perkara dan nas-nas Hukum Syarak dan pandangan para ulama diatas dapatlah kita simpulkan bahawa plaintif masih mempunyai kelayakan bagi dirinya sebagai hadhinah kepada anaknya.

(Nafkah anak)

Nafkah anak adalah satu kewajiban keatas bapa dan telah difahami secara nyata dan umum tahu tentang perkara tersebut.Secara urufnya bapa bertanggungjawab menyediakan segala keperluan anak-anak seperti pakaian,tempat tinggal yang sesuai,perubatan dan pelajaran kerana semua perkara tersebut adalah keperluan asasi seseorang itu.

Menurut istilah fuqahak”Nafkah bererti –mengeluarkan belanja atau nafkah kepada mereka yang wajib atas seseorang itu menafkahinya atau mengeluarkan belanjanya apa yang dimaksudkan dengan belanja ialah semua hajat dan keperluan yang berlaku menurut keadaan dan tempat seperti makanan,pakaian,tempat tinggal dan seumpamanya.

Tafsiran fuqahak diatas bersesuaian dengan seksyen 73(1)Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 iaitu:-

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajiban seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada didalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandangkan kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Seksyen diatas amat jelas kepada Mahkamah berbidangkuasa mengeluarkan perintah berkaitan dengan nafkah dan ianya juga berseuaian dengan pandangan ulama.

AlQuran Surah At-Talak ayat 7:-

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُفِيقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ
بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Bermaksud *“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu), Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar kemampuan yang Allah berikan kepadanya (orang-orang dalam kesempitan) hendaklah ingat bahawa Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”*

Ayat AlQuran diatas amat jelas kepada kita semua bahawa nafkah adalah satu kewajiban kepada seorang bapa dan nafkah wajib tersebut tertakluk kepada kemampuan seseorang itu dan mungkin terdapat kesusahan bagi setengah orang tetapi Allah telah memberi jaminan bahawa setiap apa yang telah dibelanjakan kepada anak akan mendapat ganjaran dari Allah S.W.T begitu juga jika nafkah tersebut cuai dan tidak menyediakan nafkah kepada anaknya.

Ini berdasarkan sebuah Hadith Riwayat Imam Muslim:-

Bermaksud *"Memadailah seseorang itu mendapat dosa apabila dia menahan makanan orang yang ditanggungnya."*

Kita semua seharusnya menjaga kehidupan anak-anak dengan sempurna kerana anak-anak yang sempurna akan menjadikan ibubapa mereka hidup didalam suasana aman damai dan mendapat keberkatan dari Allah S.W.T dan juga mendapat syurga seperti yang telah dijanjikan Allah.

Didalam sebuah Hadith Riwayat Saidatina A'isyah r,h berkata bahawa Hindun berkata: Wahai Rasulullah bahawa Abu Suffian seorang yang kedekut tidak ada baginya saya selamat daripada masuk kerumah saya,"maka jawab Rasulullah *"Ambillah apa yang memadai bagi engkau dan anak engkau apa yang sepatutnya."*

Hadith ini menggambarkan kepada kita bahawa seorang isteri itu boleh mengambil harta suami untuk diberikan kepada anaknya dan dirinya jika suami tidak menyediakan nafkah secukupnya kerana itu ianya menunjukkan bahawa nafkah adalah satu keperluan asasi isteri dan anak-anak.Suami tidak boleh menafikan hak mereka walaupun telah bercerai.

AlQuran Surah AlBaqarah ayat 233:-

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Bermaksud *"dan kewajipan kepada bapa member makan dan pakaian kepada isteri dengan cara yang makruf, Seseorang tidak dibebani melainkan sekadar kemampuannya."*

Ayat ini menjelaskan bahawa kewajipan bapa menyediakan keperluan nafkah isteri dan anak-anak mengikut kemampuan seseorang bapa tersebut dan tidak menjadi keberatan kepada seorang bapa menyediakan semua keperluan anak-anak supaya mereka membesar dengan rezeki yang halal yang telah disediakan oleh bapa mereka.Semua bapa-bapa seharusnya faham ayat ini bagi mengelakkan perkara yang tidak sempurna dan tidak

pula membebankan ibu bagi menanggung nafkah anak-anak dan bapa hanya melihat sahaja tanpa berusaha untuk menyediakan nafkah anak-anaknya.

Didalam kitab *Fiqh Al Islami Wa Adillatuhu* juzuk 10 m.s 7413 menjelaskan bahawa nafkah anak yang kecil lagi lemah daripada mencari nafkah diri sendiri, syarat-syarat dibawah ini menjelaskan bahawa bapa masih lagi berkewajipan menanggung nafkah anak jika salah satu syarat dibawah ada pada anak tersebut iaitu:

1. Kecil- iaitu kecil yang tidak mampu berusaha mencari nafkah dirinya sendiri menurut adat kebiasaan.
2. perempuan-anak perempuan nafkah wajib ditanggung oleh bapanya sehingga baligh dan berkahwin.
3. sakit yang menegah anak tersebut daripada usaha seperti gila, buta dan seumpamanya.
4. menuntut ilmu, jika sibuk mencari nafkah dirinya walaupun mampu tetapi sibuk mencari nafkah akan terbantut kerana sibuk mencari ilmu itu adalah paling utama.

Berdasarkan pandangan dan panduan Hukum Syarak diatas amat jelas bahawa kanak-kanak yang masih kecil tidak mampu mencari nafkah dirinya sewajarnya bapa atau orang wajib menanggung nafkahnya memberi nafkah kepada anaknya. Kelemahan anak atau sibuk mencari ilmu adalah keutamaan didalam agama.

Berpandukan semua alasan yang mahkamah kemukakan diatas mahkamah dapati pihak plaintif telah berjaya mengemukakan semua bukti dan hujah untuk mahkamah membenarkan permohonan tersebut.

Mahkamah dengan ini mengeluarkan perintah seperti berikut:-

- 1.hadanah 3 orang anak diberikan kepada plaintif sebagai nenek dan hak melawat diberikan kepada bapa pada masa yang munasabah.
- 2.Defendan diberi hak untuk mengambil 3 anak pada setiap minggu pada Sabtu dan Ahad dua kali sebulan.
- 3.Defendan diberi hak untuk mengambil 3 anak $\frac{1}{2}$ cuti persekolahan yang panjang.
- 4.Defendan diberi hak untuk mengambil pada 2 hari raya Aidil Fitri dan Hari Raya Adil Adha pada setiap tahun tanpa halangan daripada mana-mana pihak.
- 5.Nafkah anak pertama sebanyak RM400.00 sebulan manakala anak kedua dan ketiga setiap seorang RM500.00 dan dimasukkan melalui akaun plaintif tidak lewat 7 haribulan bulan berikutnya mulai bulan Februari 2013 dan tunggakan sejumlah RM50.00 dibayar bersama nafkah anak-anak sehingga selesai.
- 6.Semua keperluan persekolahan 3 anak ditanggung sepenuhnya oleh defendan seperti alatan sekolah,buku,pakaian dll.
- 7.Defendan diperintahkan menanggung kos jika anak-anak melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi.
- 8.Defendan juga diperintah menanggung semua persiapan dua hari raya anak-anak tersebut.